Dinding batu dibuat sebagai bahan gantian bagi dinding untuk membuat ujian bunyi dengan menggunakan alat Digital Sound Level Meter. Untuk menghasilkan dinding batu kami menggunakan bahan batu bata, simen dan juga air mengikut kesesuaian supaya ianya tidak terlampau basah dan kering. Dinding batu dihasilkan dengan menggunakan acuan. Bata yang baru dicetak hendaklah dibiarkan kering sendiri selama 24jam dan diawet selama dua minggu sebelum ianya sesuai digunakan. Pengawetan dilakukan dengan menyiram air sebaik sahaja batu mengeras, terutama semasa cuaca panas. Saiz dinding batu adalah sama dengan saiz panel kalis bunyi iaitu panjang 380mm x lebar 250mm.

### **2.2.5 Batu-bata pasir yang digunakan dalam menghasil dinding batu**

Batu-bata pasir ini diperbuat daripada bahan campuran kapur dengan pasir dan sedikit air. Antara kegunaan bata ini ialah sesuai digunakan dalam kerja yang memerlukan kekuatan yang tinggi atau sentiasa terendam di dalam air, bata bangunan bagi kerja memagar disebelah luar dan bata yang diikat dengan motar.

## **2.3 KAJIAN TERDAHULU 2**

Panel kalis bunyi adalah sekeping bahan tunggal biasanya rata dan dipotong menjadi bentuk segi empat tepat, yang berfungsi sebagai penutup yang kelihatan dan terdedah untuk tembok. Panel ini berfungsi serta hiasan dan kalis bunyi, digabungkan dengan keseragaman penampilan, bersama dengan beberapa ukuran ketahanan atau kemudahan penggantian. Walaupun tiada had saiz set untuk sekeping bahan yang memenuhi fungsi-fungsi ini, saiz praktikal maksimum untuk panel kalis bunyi telah dicadangkan untuk menjadi size yang berpatutan untuk membolehkan pengangkutan.

Penggunaan panel kalis bunyi ini dapat mengurangkan kos pembinaan dengan memberikan penampilan yang konsisten ke permukaan panel tanpa memerlukan penggunaan cat atau bahan penamat lain. Secara bergantian, panel boleh, jika dipasang ke rangka kerja yang sesuai, menggantikan apa-apa jenis dinding sama sekali. Lubang boleh dipotong atau dibor ke panel dinding untuk menampung cawangan elektrik dan peranti lain yang keluar dari dinding.

### **2.3.1 Hampas tebu sebagai bahan gantian dalam menghasilkan panel**

Dengan menggunakan bahan-bahan buangan semulajadi ini ianya mengurangkan pembaziran disamping menyemai sikap mesra alam. Projek ini berdasarkan tajuk daripada masalah kesan bunyi dalam bangunan dan menghasilkan satu panel iaitu panel akustik daripada bahan buangan semulajadi yang mampu menyerap bunyi disamping menambahkan lagi bahan yang sedia ada dipasaran.

Akustik berdasarkan kamus dewan bahasa adalah ilmu yang mempelajari tentang suara, bagaimana suara dihasilkan, perambatannya dan impaknya, serta mempelajari bagaimana suatu ruang atau medium seperti suara itu sendiri yang didengar melalui telinga. Panel kalis bunyi sering dianggap menjadi akustik ruang (room acoustics) yang menangani bunyi-bunyi yang tak dikehendaki. Suara dianggap sebagai getaran umumnya yang disebarkan di udara dengan kecepatan 343m/s (sekitar 1km setiap 3 saat) , atau 1235km /jam pada keadaan suhu yang standard dan tekanan (1 atm dan 20 °C).

Panel berdasarkan kamus dewan bahasa adalah bahagian dari permukaan pintu (dinding, langit-langit, bilik dan sebagainya) berupa papan lapis. Biasanya berbentuk empatsegi panjang, di pasang dalam bingkai, di letak lebih rendah atau lebih tinggi depan permukaan dinding. Selain itu, ia juga adalah papan peraga untuk pameran, berbentuk empatsegi panjang, dibuat dari pada papan lapis, logam atau bahan lain, digunakan untuk mempamerkan gambar atau hiasan.

Terdapat beberapa kajian yang membincangkan dengan lebih mendalam berkenaan dengan penghasilan bahan penyerap bunyi yang menggunakan bahan buangan semulajadi sebagai mediumnya. Kajian yang bertajuk “Utilizing sugarcane wasted fibers as a sustainable acoustic absorber” oleh A Putra, Y Abdullah, H Efendy, WM Farid, MR Ayob (2013) membincangkan berkenaan hampas tebu yang dikaji dan diolah digunakan sebagai bahan penebat bunyi dalam bangunan.

### **2.3.2 Kajian tentang penggantian hampas tebu sebagai fiber dalam panel kalis bunyi,**

Menurut kajian daripada Kaamin, Masiri, Nur Fadzly Md Zaid, Mohd Effendi Daud, Rosdi Ab Rahman, Hairul Mubarak, Nor Baizura Hamid Hassim, & Mardiha Mokhtar dari Jurnal Inovatif Antarabangsa Teknologi dan Meneroka Kejuruteraan, 8 (2019) 1426-1431 menggantikan fiber dengan hampas tebu sebagai bahan gantian. Hampas tebu dilihat berpotensi dalam pembuatan produk kerana bersifat ringan, span, meyerap lembapan, mempunyai liang-liang udara sesuai untuk diaplikasikan dalam pembuatan produk seperti bahan insulasi alternatif. Hampas tebu yang juga mengandungi ligno-cellulosa, pentosan dan lignin sesuai dalam pembuatan produk seperti bahan insulasi dan menjadi alternatif dalam mengurangkan pembuangan dan pembakaran hampas tebu.

Bahan insulasi dikenali sebagai bahan penebat. Suatu bahan insulasi yang baik ialah bahan yang mempunyai ruang udara dan dapat memerangkap udara. Haba ialah sejenis tenaga yang dipindahkan. Proses ini berlaku apabila suatu sistem itu ditebat dengan baik sehingga terlalu sedikit haba yang boleh melepaskannya. Pemantul haba yang baik juga boleh dianggap sebagai bahan penebat yang baik. Bahan penebat merupakan bahan yang tidak membenarkan arus elektrik mengalir melaluinya atau melambatkan pengaliran haba. Ia mempunyai banyak elektron valensi tetapi sukar dibebaskan.

Penebat haba yang baik haruslah mempunyai sifat menyerap haba. Sebagai contoh bahan penebat haba yang baik ialah kaca, kayu, getah, fiber dan plastik. Bahan-bahan ini boleh dibahagikan kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama ialah bahan semulajadi termasuklah batu, kayu, dan jut yang digunakan terus daripada alam semulajadi. Kumpulan kedua pula ialah ekstrak seperti plastik, seramik dan aloi yang dihasilkan dengan memproses pelbagai jenis bahan semulajadi.

Pihak industri akan menentukan bahan mana yang patut digunakan untuk sesuatu produk dengan mengenal pasti sifat sesuatu bahan. Bahan penebat haba dilihat daripada perspektif sifat terma iaitu kesan haba terhadap bahan. Kekonduksian terma merupakan ukuran kebolehan sesuatu bahan menyimpan haba. Sifat ini penting dalam bahan penebat haba.

## **2.4 RUMUSAN BAB**

Sebagai rumusan, kami telah menjelaskan tentang bahan rujukan yang akan kami buat sebagai rujukan semasa projek ini. Kami telah menemui cara yang sesuai berdasarkan teori dan penyelidikan kami untuk menghasilkan panel kalis bunyi yang lebih baik dari segi kalis bunyi. Kami telah mencipta konsep baru di mana kami akan memberi tumpuan lebih kepada panel kalis bunyi lebih tahan lasak yang digunakan daripada bahan yang terbuang daripada pokok seperti hampas tebu. Pada akhirnya, subtopik ini telah menerangkan fakta-fakta menarik mengenai bahan-bahan dan campuran yang akan digunakan dalam produk kami untuk mendapatkan hasil yang lebih baik dan lebih sempurna dari pasaran sedia ada.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 PENDAHULUAN**

Projek kami merupakan projek yang agak mudah dan ringkas tetapi ia menjadi pilihan kami atas impak-impak positif yang kami dapat daripada hasilnya. Sebelum meraka panel kalis bunyi ini, kami membina dan mereka sample dinding yang kecil sebagai bahan ujian untuk kami uji panel kami. Prosesnya mengambil masa dalam lebih kurang 3 ke 4 hari. Ayah saya juga membantu saya dalam menghasilkan sample dinding kami. Kami menggunakan ratio 1:2:4 untuk menghasilkan produk tersebut.

#### **3.2 REKA BENTUK PANEL AKUSTIK**

Pengujian perlu di lakukan kepada panel akustik yang berasaskan bahan baru dari bahan buangan pertanian sebagai bahan serap bunyi. Bahan-bahan pertanian seperti hampas tebu digunakan untuk mengetahui bahan mana yang terbaik dalam mencari bahan baru untuk dijadikan bahan penyerap bunyi. Bahan terbaik sedia ada yang ada dipasaran iaitu gentian kaca (fiber) juga di uji sebagai alat petunjuk dalam mendapatkan bahan pertanian yang boleh menyerap bunyi lebih baik darinya atau paling hampir. Alat yang digunakan untuk menguji adalah 'Sound Level Meter (SLM)'.

Terdapat dua kategori bahan yang boleh menghasilkan penyerap bunyi iaitu gentian kaca dimana ia adalah kategori bahan sedia ada yang dijadikan bahan penyerap bunyi. Kategori kedua adalah bahan semula jadi iaitu hampas tebu. Rajah dibawah menunjukkan panel kalis bunyi yang telah kami hasilkan.





***Rajah 3.1: Panel kalis bunyi***

### **3.2.1 Hampas Tebu**

Hampas tebu, sisa berserabut yang ditinggalkan selepas mengeluarkan jus daripada tebu, boleh digunakan sebagai bahan untuk kalis bunyi kerana sifat gentian dan sifat akustiknya.

Hampas tebu boleh diproses dan dibentuk menjadi panel penebat yang boleh dipasang di dinding, siling, atau lantai. Panel ini boleh membantu menyerap dan mengurangkan gelombang bunyi, dengan itu meningkatkan penebat bunyi dalam ruang. Gentian bagasse memerangkap dan menghilangkan tenaga bunyi, menyumbang kepada keberkesanan kalis bunyi keseluruhan.


Dengan memampatkan dan mengikat gentian ampas tebu, ia boleh dibentuk menjadi panel akustik. Panel ini boleh direka bentuk dengan pelbagai bentuk, saiz dan corak untuk meningkatkan sifat menyerap bunyinya. Apabila dipasang pada dinding atau siling, ia boleh menyerap bunyi dengan berkesan dan mengurangkan bergema, menghasilkan prestasi akustik yang lebih baik di dalam bilik atau ruang.

Gentian hampas tebu boleh digabungkan ke dalam bahan komposit, seperti papan partikel atau papan gentian, untuk menghasilkan panel penyerap bunyi. Dengan mengadun gentian bagasse dengan agen pengikat, seperti resin, dan menggunakan tekanan dan haba, papan komposit dengan sifat kalis bunyi boleh dihasilkan. Papan ini boleh digunakan sebagai pelapis dinding atau sekatan untuk mengurangkan penghantaran bunyi.



*Rajah 3.2: Hampas Tebu*

### 3.3 CARTA ALIR PROJEK





***Rajah 3.2.1: Carta alir projek***

Kami menghasilkan tiga panel dengan kandungan hampas tebu dan gentian yang berbeza untuk mendapatkan perbezaan diantara tiga panel tersebut. Panel pertama mengandungi 100g hampas tebu . Panel yang kedua mengandungi 200g hampas tebu. Panel yang ketiga mengandungi 300g hampas tebu.

Pertama sekali, kami mengumpulkan material utama iaitu hampas tebu dan mengeringkan di bawah matahari untuk beberapa hari sehingga kering. Sementara itu, kami mereka bentuk panel kalis bunyi berbentuk segi empat tepat dengan ukuran 250mm x 380mm. Kayu digunakan sebagai bingkai panel dan membalut bahagian bawah dengan kain kalis bunyi seperti yang ditunjukkan di rajah dibawah.



***Rajah 3.3: Bingkai panel***

Seterusnya, hampas tebu diletakkan ke dalam tiga-tiga bingkai panel dengan kandungan hampas tebu yang berbeza iaitu 100g, 200g, 300g. selepas itu panel tersebut ditutupkan dengan kain. Rajah 3.5 dan rajah 3.6 dibawah menunjukkan proses tersebut.






*Rajah 3.4: Meletakkan hampas tebu ke dalam tiga panel.*



*Rajah 3.5: Menampal kain untuk menutup panel.*

### 3.4 PROSEDURE UJIAN PENYERAPAN BUNYI

1. Susnan batu bata seperti rajah dibawah sebagai dinding untuk menguji panel.



*Rajah 3.5.1: susunan batu bata sebagai dinding*

2. Sumber bunyi, telefon bimbit diletakkan di dalam begi mendapatkan bunyi daripada dalam seperti yang ditunjukkan pada rajah di bawah.



*Rajah 3.5.2: Meletakkan sumber bunyi*

- Gunakan alat sound level untuk menguji penyerapan bunyi dalam tiga jarak yang berbeza untuk mendapatkan tiga bacaan yang berbeza bagi ketiga-tiga panel. Jarak-jaraknya adalah 2 kaki, 4 kaki dan 6 kaki.



*Rajah 3.5.3: Jarak 2 kaki daripada panel*



*Rajah 3.5.4: Jarak 4 kaki daripada panel*



*Rajah 3.5.5: Jarak 6 kaki daripada panel*

### **3.5 RUMUSAN**

Bab ini membincangkan tentang carta alir metodologi bgi projek ini. Projek ini merupakan projek yang agak mudah tetapi memberi impak yang baik kepada alam sekitar. Bab ini juga menerangkan tentang proses menghasilkan projek dan juga proses menguji keberkesanan produk kami.



## **BAB 4**

### **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

#### **4.1 PENDAHULUAN**

Projek kami dijangkakan untuk selesai dengan panel kalis bunyi yang berkesan untuk menghalang bunyi dari luar. Panel kalis bunyi dengan menggunakan hampas tebu tidak pernah dihasilkan sebelum ini, malah kami akan pastikan keputusan yang kami peroleh dapat memenuhi objektif kami dengan tepat. Panel kalis bunyi biasanya berkos sangat tinggi kerana bahan utamanya adalah kayu. Kayu merupakan satu-satunya daripada bahan yang mahal dan kayu diperlukan dalam kuantiti yang banyak bagi menghasilkan panel kalis bunyi. Jangkaan kami, produk yang kami hasilkan ini dapat mengurangkan penggunaan bahan yang berkos tinggi. Sebagai contoh, kami akan mendapatkan hasil yang bagus dengan menggunakan hampas tebu supaya kami dapat menghasilkan produk yang berkemampuan bagi semua pihak terutamanya pihak yang sangat memerlukan produk kami. Dengan ini, masyarakat tidak akan mengalami masalah kewangan dengan membeli produk yang kami usahakan ini.

Bagi Panel Kalis Bunyi ini , ujian kekedapan telah dijalankan sepanjang proses ini berlangsung . Ujian tersebut telah dilakukan mengikut ketebalan atau berat jisim bagi hampas tebu yang ditambah iaitu dimulai dengan 100 gram bagi panel 1 , 200 gram bagi panel 2 dan tertinggi jumlah pada panel 3 iaitu 300 gram. Produk ini telah diuji oleh ahli kumpulan kami sendiri dan diajari sepenuhnya oleh Puan Masrulanita dan penganalisis data dari One Expert Engineering . Seterusnya , kami juga telah melakukan kajian ini dan hasil keputusannya yang agak memuaskan dan hampir dengan nilai dB yang telah ditetapkan dan juga stabil berdasarkan apa yang telah direkodkan daripada aktiviti ini berlangsung dan telah bersedia untuk digunakan sepenuhnya .

## 4.2 DAPATAN KAJIAN / PENGUJIAN

Bahan mentah yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah sisa hampas tebu dan bahan arang buluh. Gentian sisa tebu dikumpul dari jalan dan dirawat secara kimia dengan menenggelamkannya dalam 500ml dengan larutan alkali 10% NaOH pada 60%-70% selama 3jam kerana kerja serupa dilakukan oleh braccesi dan bracciali. Kemudian ia dibilas dengan air suling untuk membersihkannya daripada rawatan beralkali berlebihan pada permukaan kemudian diikuti dengan pengeringan secara manual bawah matahari selama 2 hingga 3 minggu dan kemudian gentian hampas tebu yang diperlukan diperolehi. Operasi penyingkiran gentian muncul seperti rajah dibawah.



**Rajah 4.2.1:** Gambar hampas tebu

## 4.3 PERBINCANGAN

Koefisien serap bunyi dari bahan peredam berbahan dasar ampas tebu memiliki nilai koefisien serap cukup bagus. Dengan metode tabung impedansi satu mikrofon, koefisien serap bunyi diperoleh paling optimum pada tebal sampel 0,26 cm dengan kerapatan 0,3 gram/cm<sup>3</sup> yaitu sebesar 0,89 pada frekuensi 600 Hz. Kemampuan bahan untuk meredam bunyi menurun seiring dengan bertambahnya ketebalan bahan peredam, hal ini pada frekuensi 400 Hz, 500 Hz dan 600 Hz.

#### 4.4 KOS KOMPONEN

Bil	Bahan	Kuantiti	Harga seunit(RM)	Jumlah(RM)
1.	Kayu	20	RM 1.50	RM 30.00
2.	Papan lapis	1 keping	RM 50.00	RM 50.00
3.	Paku/ skru	½ kilogram	RM 3.00	RM 3.00
4.	Simen	3 bag	RM 17.00	RM 51.00
6.	Hampas tebu	10 kilogram	RM 3.00	RM 30.00
7.	Pasir	-	-	-
8.	Air	-	-	-
<b>Jumlah</b>				RM 164.00

**Jadual 4.4.1:** Senarai Kos Komponen (Tiga Panel)

Jadual 4.4.1 menunjukkan kos bahan yang diperuntukkan untuk melaksanakan Panel Kalis Bunyi ini . Sebanyak 10 kilogram hampas tebu digunakan sebagai bahan gantian bagi panel kalis bunyi ini merupakan hampas tebu yang dikutip sendiri daripada pasar malam dan hampas tebu yang buang dimerata tempat. Selain itu , kayu dan kain hiasan yang bagi fungsi sebagai formwork merupakan daripada bahan kitar semula dan terbuang.

#### **4.5 RUMUSAN**

Akhir sekali , sebanyak 32 dB membezakan antara panel 1 dengan AMW75 Wall Panel yang masing-masing merekodkan data 38.1 dB yang paling kurang dan 56.8 dB bagi bacaan tertinggi . Hal ini kerana penggunaan hampas tebu adalah kurang digunakan dalam bahan tambah panel 1 ini yang hanya menggunakan 100 gram sahaja .

Walaupun tidak dapat dinafikan bahawa panel 1 , panel 2 dan panel 3 ini mencatatkan keadaan bacaan yang agak ketara , namun ia sebenarnya tidak memberi kesan yang besar malah penggunaannya masih hampir dapat mencapai spesifikasi panel dinding yang dikehendaki di pasaran Malaysia.

#### **4.6 KEPUTUSAN**

Untuk bab ini , keputusan dibuat adalah berdasarkan kepada semua keputusan yang diperolehi dari ujikaji dan ujian data yang dijalankan dan perbincangan dalam bab-bab yang sebelumnya. Dalam bab ini juga, perkara yang berkaitan adalah berkenaan objektif kajian dan juga cadangan terhadap kajian yang dijalankan. Selain itu, kesimpulan telah dibuat bagi uji kaji ini selama projek ini telah berlangsung.

Panel \ Bacaan db.	Bacaan db. 1 (2ft)	Bacaan db. 2 (4ft)	Bacaan db.3 (6ft)
100gram	56.8db	50.5db	43.3db
200gram	56.9db	42.6db	40.7db
300gram	41.1db	39.8db	38.1db

**Jadual 4.4.2:** Keputusan bacaan db panel kalis bunyi yang mempunyai 100g, 200g dan 300g hampas tebu.

Diding sahaja	Bacaan db. 1 (2ft)	Bacaan db. 2 (4ft)	Bacaan db. 3 (6ft)
	72.7db	62.3db	59.3db

**Jadual 4.4.3:** Keputusan bacaan db tanpa menggunakan panel kalis bunyi

## **BAB 5**

### **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

#### **5.1 KESIMPULAN**

Kesimpulannya, kajian ke atas panel kalis bunyi menggunakan tebu tebu memberikan jalan yang menjanjikan untuk penyelesaian kalis bunyi yang mampan dan kos efektif. Dengan menggunakan hasil sampingan pertanian boleh diperbaharui ini, kami boleh menyumbang kepada pengurangan sisa dan menggalakkan kelestarian alam sekitar dalam industri pembinaan dan akustik.

Analisis keberkesanan kos panel berasaskan tebu tebu menyerlahkan keterjangkauannya berbanding bahan kalis bunyi konvensional. Dengan menawarkan alternatif yang menjimatkan, panel ini boleh membolehkan akses yang lebih luas kepada penyelesaian kalis bunyi, yang memanfaatkan kedua-dua projek kediaman dan komersial.

Akhirnya, kajian pada panel kalis bunyi menggunakan hampas tebu memberikan pemahaman menyeluruh tentang potensi dan batasan bahan ini. Dengan menggunakan hampas tebu, kami boleh mencipta penyelesaian kalis bunyi yang menggalakkan kemampanan, keberkesanan kos dan prestasi akustik yang baik, yang membawa kepada persekitaran dalaman yang selesa dan senyap yang meningkatkan kesejahteraan keseluruhan.

## 5.2 CADANGAN

Cadangan kami adalah menyiasat potensi membina panel kalis bunyi berbilang lapisan menggunakan hampas tebu. Dengan menggabungkan ketumpatan gentian atau komposisi yang berbeza dalam setiap lapisan, adalah mungkin untuk mencapai julat yang lebih luas bagi ciri-ciri penyerapan bunyi dan kehilangan penghantaran.

Selain itu, menerokai penggabungan bahan lain, seperti getah kitar semula atau buih akustik, digabungkan dengan gentian tebu-tebu. Ini boleh mencipta panel komposit yang menawarkan prestasi kalis bunyi yang dipertingkatkan merentas frekuensi yang berbeza.

Seterusnya, menilaikan penggunaan rawatan permukaan, seperti salutan atau lamina, untuk meningkatkan rintangan kelembapan dan ketahanan panel berasaskan hampas tebu. Rawatan ini boleh melindungi panel daripada penyerapan lembapan, pertumbuhan.

Dengan melaksanakan cadangan ini, kita mungkin dapat meningkatkan prestasi kalis bunyi, ketahanan dan kepraktisan panel kalis bunyi menggunakan hampas tebu sebagai bahan yang mampan. Penyelidikan dan inovasi berterusan dalam bidang ini akan menyumbang kepada pembangunan penyelesaian kalis bunyi yang kos efektif dan mesra alam. mikrob, dan kehausan fizikal, dengan itu memanjangkan jangka hayatnya.

## RUJUKAN

- 1) JOURNAL Vibration-damping section with sound absorbing material  
Toshimitsu Tanaka the Journal of the Acoustical Society of America (1999)
- 2) JOURNAL Sound absorption panels for noise control in the ways of its  
propagation V. L. Murzinov P. V. Murzinov Bezopasnost' Truda v  
Promyshlennosti
- 3) M. Avella, G. La Rota, E. Martuscelli et al., Journal of Materials Science, vol.  
35, no. 4, pp. 829–836 (2000)
- 4) A. Putra, Y. Abdullah, H. Efendy, W. M. Farid, M. R. Ayob and M. S. Py,  
Malaysian Technical Universities Conference on Engineering & Technology  
2012, MUCET 2012 Mechanical And Manufacturing Engineering Procedia  
Engineering 53 632 – 638 ( 2013 )
- 5) Koizumi T, Tsujiuchi N and Adachi A. The development of sound absorbing  
materials using natural bamboo fibers. Structures and Composites. 2002; 157-  
166
- 6) JOURNAL A lightweight yet sound-proof honeycomb acoustic metamaterial Ni  
SuiXiang Yan[...] Yun Jing Applied Physics Letters (2015)
- 7) Kaamin, Masiri, Nur Fadzly Md Zaid, Mohd Effendi Daud, Rosdi Ab Rahman,  
Hairul Mubarak, Nor Baizura Hamid Hassim, & Mardiha Mokhtar. Analysis on  
Absorption Sound Acoustic Panels from Egg Tray with Corn Husk and Sugar  
Cane. International Journal of Innovative Technology and Exploring  
Engineering, 8 (2019) 1426-1431.
- 8) Kaamin, Masiri, Nor Farah Atiqah Ahmad, Norhayati Ngadiman, Aslila Abdul  
Kadir, Siti Nooraiin Mohd Razali, Mardiha Mokhtar, & Suhaila Sahat. Study on  
The Effectiveness of Egg Tray and Coir Fibre as A Sound Absorber. In E3S  
Web of Conferences, EDP Sciences, 34 (2018) 02005.



- 9) Seddeq, Hoda S. Factors influencing acoustic performance of sound absorptive materials. Australian Journal of Basic and Applied Sciences, issue 4 (2009) pp. 4610-4617
- 10) Wassilieff, Con. Sound absorption of wood-based materials. Applied Acoustics, issue 4 (1996) pp. 339-356.
- 11) Setyanto, R. Hari, Ilham Priyadithama, & Natalia Maharani. Pengaruh Faktor Jenis Kertas, Kerapatan dan Persentase Perekat Terhadap Kekuatan Bending Komposit Panel Serap Bunyi Berbahan Dasar Limbah Kertas dan Serabut Kelapa. PERFORMA: Media Ilmiah Teknik Industri, 2 (2011).
- 12) JOURNAL OPEN ACCESS PDF Proof-of-concept design for mpp acoustic absorbers with elements of art Heow Pueh LeeSanjay KumarJie Wei Aow Designs (2021)
- 13) Rudy Harahap Mohd, Ali Baba<sup>1</sup>. Penghasilan Akustik Panel Menggunakan Hampas Rumbia Department of Civil Engineering, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Dungun 21700, Terengganu \*Corresponding author E-mail: xpdcgreenday@yahoo.com
- 14) Azma, Putra Yasseer, Abdullah Hady, Efendy Wan Mohd Faridh (2012), Utilizing Sugarcane Wasted Fibers as a Sustainable Acoustic Absorber, Malaysia TVET on Research via Exposition 2017, 13 – 14 November 2017, Dungun, Terengganu.
- 15) Dato' Mohd Anim Hasnan, (2021) Sisa Pertanian Dan Kepentingannya <http://animhosnan.blogspot.com/2021/08/sisa-pertanian-dan-kepentingannya.html>
- 16) Seddeq HS. Factors influencing acoustic performance of sound absorptive materials. Australian Journal of Basic and Applied Sciences. 2009; 3(4):4610-4617.
- 17) Xiang, Wang D, Liua H, Zhao N and Xu J. Investigation on sound absorption properties of kapok fibers. Chinese Journal of Polymer Science. 2013; 31(3):521-529. <http://dx.doi.org/10.1007/s10118-013-1241-8>.

- 18) Putra A, Abdullah Y, Efendy H, Farid WM, Ayob MR and Py MS. Utilizing sugarcane wasted fibers as a sustainable acoustic absorber. *Procedia Engineering*.2013;53:632-638.[http:// dx.doi.org/10.1016/j.proeng.2013.02.081](http://dx.doi.org/10.1016/j.proeng.2013.02.081).
- 19) Koizumi T, Tsujiuchi N and Adachi A. The development of sound absorbing materials using natural bamboo fibers. *Structures and Composites*. 2002; 157-166.
- 20) Beranek LL and Vér IL. *Noise and vibration control engineering: principles and applications*. 2nd ed. Wiley; 2005. 976 p
- 21) Bistafa SR. *Acústica aplicada ao controle de ruído*. São Paulo: Edgard Blücher; 2006.
- 22) Asdrubali F. Survey on the acoustical properties of new sustainable materials for noise control. In: *Proceedings of Euronoise; 2006; Tampere, Finland*. Tampere: European Acoustics Association; 2006. Available from: . Access in: 22/12/2014.
- 23) Loschi A No, Silva JRM, Lima JT, Rabelo GF. Efeito das diferentes madeiras no isolamento acústico. *Floresta*. 2008; 38(4):673-682.
- 24) Stacy E. Sound insulation in buildings. *The Journal of the Royal Society for the Promotion of Health*. 1959; 79(6):789- 797. <http://dx.doi.org/10.1177/146642405907900623>.
- 25) Battistelli RAG, Marcilio C and Lahr FAR. The use of sugarcane bagasse (saccharum of stem leaves of the bamboo species *Dendroca* in the production of particle panels. *Minerva Journal*. 2009;(3):297-305.
- 26) Xu X, Zhou D, Wu Q and Vlosky RP. Agri-based composites in China: opportunities and challenges. *Forest Products Journal*. 2004; 54(5), 8-15.
- 27) Silva VS, Garcia CA and Silva CM. The destiny of sugarcane bagasse: a study from the sugarcane agro-industries pf Paraná. *Revistas em Agronegócio e Meio Ambiente*. 2010; 3(1), 59-76

- 28) Fiorelli J, Lahr FAR, Nascimento MF, Savastano H Jr and Rossignolo JA. Particle board to sugarcane bagasse base and castor resin: production and properties. *Acta Scientiarum. Technology*. 2011; 3(4), 401-406.
- 29) Zhu X, Kim B-J, Wang Q and Wu Q. Recent advances in the sound insulation properties of bio-based materials. *BioResources*. 2014; 9(1):1-23. <http://dx.doi.org/10.1016/j.biortech.2014.08.110>
- 30) Yang HS, Kim DJ and Kim HJ. Rice straw-wood particle composite for sound absorbing wooden construction materials. *Bioresource Technology*. 2003; 86(2):117-121. [http://dx.doi.org/10.1016/S0960-8524\(02\)00163-3](http://dx.doi.org/10.1016/S0960-8524(02)00163-3). PMID:12653275

## **LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN A</b>	<b>Soal selidik</b>
<b>LAMPIRAN B</b>	<b>Data Kasar</b>
<b>LAMPIRAN C</b>	<b>Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan</b>